

Minoriti Melayu bakal berasa semakin terpinggir

KUALA LUMPUR 25 Jan. - Niat DAP yang mahu melaksanakan pilihan raya pihak berkuasa tempatan (PBT) dilihat akan lebih menjadikan orang Melayu sebagai penduduk minoriti di kebanyakan kawasan bandar, sekali gus semakin terpinggir dalam arus pembangunan negara.

Penganalisis Geopolitik, Universiti Kebangsaan Malaysia, Prof. Dr. Mohd. Fuad Mat Jali berkata, apabila pilihan raya itu diadakan, akan mewujudkan monopoli kaum Cina yang majoritinya tinggal di bandar dan menguasai ekonomi bandar tersebut.

Katanya, kesan yang akan timbul adalah sama ada mengurang atau mengetepikan tempat wakil-wakil Melayu dan juga kaum-kaum lain dalam PBT yang dikuasai bangsa Cina, seterusnya mencetuskan rasa tidak puas hati golongan terbabit.

"Apabila pilihan raya PBT diadakan, pemimpin Cina pasti akan mendapat lebih banyak undian daripada kaum tersebut kerana majoriti penduduk bandar seperti di Pulau Pinang terdiri daripada bangsa tersebut. Cara ini akan mengurangkan wakil Melayu

dalam PBT.

"Secara tidak langsung suara dan kepentingan orang Melayu serta kaum-kaum lain dalam sesebuah PBT akan lenyap dan wujud monopoli tertentu iaitu bangsa Cina," katanya kepada *Utusan Malaysia* sewaktu dihubungi di sini hari ini.

Beliau mengulas kenyataan Presiden Pas, Datuk Seri Abdul Hadi Awang yang membantah pilihan raya PBT soleh DAP itu kerana akan memberi kesan buruk kepada kepentingan orang Melayu dan kaum-kaum lain.

Tegas Mohd. Fuad, kesan pilihan raya PBT itu bukan sahaja merenggangkan hubungan antara kaum, tetapi paling membimbangkan ialah Melayu akan mula hilang kuasa.

"Ketika ini, ekonomi negara dikuasai Cina dan bayangkan pula apa akan jadi kalau kuasa dalam PBT juga dikuasai bangsa tersebut? Tentunya rasa tidak puas

hati itu akan mengundang perkara yang lain. Inilah kesan yang paling kita takutkan," ujarnya.

Sementara itu, Pensyarah Kanan Undang-undang, Kerajaan dan Pengajian Antarabangsa, Universiti Utara Malaysia, Mohamad Faisol Keling turut menyokong bantahan Abdul Hadi berhubung isu tersebut.

Ujarnya, cadangan DAP mahu mengadakan pilihan raya PBT itu antara lain boleh menggambarkan matlamat DAP dalam melebarkan lagi pengaruh politik mereka seperti di Pulau Pinang tanpa memikirkan kepentingan Melayu dan kaum lain.

"Cadangan DAP itu seolah-olah membayangkan se-

jauh mana keikhlasan DAP dalam menjaga kepentingan orang Melayu terutamanya, malah menjadi suatu gerakan secara halus yang akan memberi kesan jangka panjang kepada politik dan ekonomi orang Melayu," katanya.



MOHD. FUAD MAT JALI